

Tajuk:
Kelebihan Penggunaan Internet dan Laman Web dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Oleh:
Dr. Sajap Maswan
Jabatan Teknologi Pendidikan
Institut Perguruan Tuanku Bainun Pulau Pinang

Pengenalan

Pada masa ini, penggunaan Internet dan laman web pendidikan bukanlah suatu yang asing kerana ia telah diperkenalkan sejak pertengahan tahun 1990an lagi. Collins (1996) telah menyatakan bahawa tahun 1996/97 merupakan era Internet dalam pendidikan bermula. Di negara ini sudah mula wujud laman-laman web yang dibina khusus untuk tujuan pendidikan, sama ada oleh jabatan-jabatan kerajaan atau pihak swasta atau individu tertentu. Antaranya ialah seperti TM School Net, Portal Pendidikan Utusan, E-Sekolah, E-Tuisyen, MahirNet, Cikgu Net dan sebagainya.

Pembelajaran menggunakan Laman Web

Dalam perbincangan dan penggunaan laman-laman web untuk tujuan pendidikan sekurang-kurangnya terdapat dua istilah yang selalu digunakan iaitu; pengajaran berdasarkan web (*web based instruction, WBI*) dan pembelajaran melalui laman web pendidikan (*educational web sites, EWS*). Khan (1999) menyatakan bahawa WBI bolehlah dilihat sebagai satu inovatif dalam menyampaikan pengajaran kepada para pelajar iaitu menggunakan web sebagai medium perantaraan. Antara ciri utama web yang tidak terdapat dalam media lain ialah kebolehan menyediakan persekitaran yang membenarkan pelajar berinteraksi dengan guru, pelajar berinteraksi dengan

pelajar-pelajar lain atau pelajar berinteraksi dengan persekitaran laman web itu sendiri. Antara saluran komunikasi yang biasa digunakan dalam persekitaran WBI ialah melalui e-mel, ruang bual, papan buletin, perbincangan video, dan sebagainya. Berjuta-juta laman web yang mengandungi berbagai maklumat dari seluruh dunia boleh digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Istilah kedua iaitu pembelajaran menggunakan laman-laman web pendidikan (EWS), adalah merujuk kepada pembelajaran melalui laman web yang dibina khusus untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. EWS boleh merupakan sebahagian sumber bagi tujuan WBI, dan ada kalanya hanya bertujuan bagi maparkan maklumat pendidikan semata-mata (Irfan Naufal, 2003). Sebahagian besar laman-laman web pendidikan di Malaysia, isi kandungannya adalah disesuaikan dengan sukanan pelajaran mengikut tahap-tahap tertentu.

Kelebihan Pembelajaran Menggunakan Internet

Banyak kajian telah dilakukan berkaitan dengan keberkesanan pengajaran dengan menggunakan Internet. Satu kajian yang telah dijalankan oleh Hambric (1997) telah mendapati bahawa Web berkesan dalam menyelesaikan masalah di kalangan pelajar-pelajar Tahun 5 di Vista California. Anderson dan Joerg (1996) melaporkan dalam kajian mereka bahawa Web berperanan sebagai suatu alat yang berkesan dan sesuai bagi pelajar serta pengajar untuk meningkatkan pencapaian dan minat dalam pembelajaran. Ramai pengkaji seperti Joerg (1995), Day (1996) dan Hambric (1997) mendapati bahawa pembelajaran melalui web lebih berkesan jika dibandingkan dengan kaedah tradisional.

Di Malaysia, kaedah pembelajaran melalui laman web telah mula dibincangkan oleh para penyelidik dalam bidang pendidikan sejak beberapa tahun yang lalu. Contohnya Abtar (1998) telah mencadangkan reka bentuk laman web untuk pembelajaran yang efektif. Jamaludin (1999) telah mencadangkan teori konstruktivisme dan aplikasinya dalam reka bentuk pembelajaran berdasarkan web.

Pengajaran berdasarkan laman web merupakan alternatif atau cara baru pengajaran yang mempunyai banyak potensi untuk menghasilkan pengajaran yang lebih bermakna. Ciri-ciri antara muka dan fizikal laman web mempunyai impak yang berlainan berbanding pengajaran konvensional. Antara kebaikan pengajaran berdasarkan laman web ialah penyediaan ciri-ciri hiperteks, hipermedia dan hyperlink dengan laman web lain dari seluruh dunia. Keadaan ini menjadikan penyampaian pengajaran dapat disampaikan dalam bentuk tidak linear. Format hipermedia memudahkan pendekatan berpusatkan pelajar. Pembelajaran seperti ini tentunya dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif dan bermotivasi (Becker & Dwyer, 1994).

Laman web juga mendokong dan menggalakkan inkuiri dan eksplorasi, yang biasanya berkaitan dengan pembelajaran pemikiran tahap tinggi (high-order thinking skills) (Thuring, Mannemann & Haake, 1995). Pengajaran melalui web menyediakan peluang untuk menghantar maklumat yang bukan sahaja terdiri daripada teks, tetapi juga termasuk grafik, animasi, audio dan video. Semua elemen-elemen interaktif tersebut boleh dikawal oleh pelajar seperti keupayaan berhenti dan main semula dalam rakaman video, audio dan animasi. Pelajar boleh berpindah dari satu bahagian ke bahagian lain dan

dari satu media kepada media yang lain melalui hiperlink dan hipermédia. Pengguna dapat mengawal maklumat dan berinteraksi dengan menyampai maklumat. Kaedaan ini tentunya berbeza dengan bahan pengajaran bercetak seperti buku.

Pengajaran berasaskan laman web juga menyediakan kemudahan komunikasi secara sinkroni, misalnya melalui sesi perbualan (*chat*) dan juga secara asinkroni seperti kemudahan e-mel. Kemudahan seperti ini dapat menyediakan peluang kepada pengguna berkomunikasi dan bekerjasama merentasi jarak yang jauh, terutama ketika cuti sekolah. Komunikasi sinkroni (*chat*) membolehkan interaksi berlaku pada masa sebenar antara pelajar, seperti dalam diskusi bilik darjah, bezanya pelajar dalam suasana Internet menggunakan papan kekunci untuk menaip mesej. Manakala komunikasi asinkroni (e-mel) membolehkan interaksi berlaku pada masa dan lokasi berlainan antara dua atau lebih pengguna. Pengguna boleh berkomunikasi pada bila-bila masa sahaja. Kedua-dua jenis komunikasi ini mengembangkan akses maklumat pengguna, sumber, bekerjasama, dan meningkatkan sikap pelajar terhadap aspek kerjasama dan pencapaian.

Berbeza dengan buku, laman web lebih mudah untuk dikemaskinikan. Maklumat-maklumat yang terdapat di dalam laman tersebut boleh ditambah dengan maklumat-maklumat terbaru atau menyingkirkan maklumat-maklumat lama yang kurang sesuai. Perubahan tersebut boleh dilakukan dalam masa yang singkat. Sebaliknya buku teks akan digunakan sehingga beberapa tahun dengan kandungan yang sama, walaupun keadaan serta situasi penggunaan

sentiasa berubah. Di samping itu kandungan laman web juga boleh disimpan sebagai arkib untuk rujukan jika diperlukan.

Penutup

Berdasarkan kelebihan-kelebihan yang terdapat dalam pembelajaran melalui laman web pendidikan seperti yang telah dibincangkan, diharapkan ia boleh digunakan sebagai alternatif untuk mengatasi masalah pencapaian yang masih rendah serta kurang minat pelajar-pelajar di dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

Bibliografi:

Abtar Kaur (1998). Designing Web pages for effective learning. *Dalam Prosiding Konvensyen Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia, Kali ke 11*: Kuala Lumpur: Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia. m.s. 1-9.

Anderson, T.D. & Joerg, W.B. (1996). WWW to support classroom teaching. *Canadian Journal of Educational Communication*, 25(1), m.s. 19-35.

Collins, A. & Stevens, A.L. (1983). A cognitive theory of inquiry teaching. *Di dalam Reigeluth (Ed.) Instructional Design Theories and Models: An Overview of Their Current Status*, Hillsdale: Lawrence Earlbaum Associates. m.s. 250-276.

Collins, B. (1996). The Internet as an educational innovation: Lessons from experience with computer implementation. *Educational Technology*, 36 (6), m.s. 21-30.

Day, T.M. (1996). The effects of www instruction on learning styles on achievement and changes in student attitudes in a technical writing in agricommunication course. MSc Thesis, Mississippi State University, *Dissertation Abstract*, [Online], AA113824767, [Diakses 12 Jan 2005]. Boleh didapatkan: <http://education.ti.com/us/resources/research/partA.html>

Hambric, P.J. (1997). An investigation of World Wide Web use on problem solving of fifth grade students. EdD Dissertation, United States International University. *Dissertation Abstracts International*, AA19809443

Irfan Naufal Umar (2003). Penilaian laman web pendidikan di Malaysia: Satu tinjauan. *Dalam Konvensyen Teknologi Pendidikan ke-16*, 13-16 Jun 2003, Melaka: Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia. m.s. 326-328.

Jamaluddin Mohaidin (1999). Konstruktivisme: Aplikasinya dalam reka bentuk pembelajaran berasaskan web, *Dalam Prosiding Konvensyen Teknologi Pendidikan ke 12*, 8-10 Oktober, 1999, Port Dickson, Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia, m.s. 1-14.

Khan, B.H. (1999). *Web-Based Instruction*. Englewood Cliffs, NJ: Educational Technology Publications.

Thuring, M., Mannemann, J. & Haake, J. (1995). Hypermedia and cognition: Designing for comprehension. *Communications of the ACM*, 38(8), m.s. 57-66.